



KOPI PAHIT

Perdana Menteri Lee Kuan Yew beberapa lama dahulu menerangkan bahawa ada ahli-ahli pertubuhan yang berasal dari PETIR yang beranasirkan Komunis. Kemudian tidak berapa lama pemboikotan-pemboikotan menjadi-jadi di Singapura sehingga bank pun ada boikot pula. Hal ini menyusahkan orang ramai yang tidak memasuki mana-mana parti politik dan merosakkan ekonomi Singapura. Kalau sudah begini orang ramai kesal mengapa kerajaan tidak bertindak keras untuk menyelamatkan rakyat awam? Cakap-cakap sahaja tidak guna, tetapi tegas rakyat tentu menyokong.

* * *

Percantuman Singapura dengan “*Federation*” sedang berjalan rundingannya. Tengku telah pergi ke England untuk merundingkan percantuman ini. Rakyat, yang sebenarnya rakyat Singapura yang telah hidup di sini, diperanakkan di sini mengharap jangan bayak¹ rundingan sangat sebab mereka kalau boleh esok mereka mahu bercantum. Ini apalagi kalau mereka menyedari Dato’ Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu dengan tegas berkata, bahawa kalau sudah bercantum tahulah mereka buat kerja. Sedikit bercakap banyak bekerja lebih baik Dato’ supaya orang-orang di Singapura lekas terlepas daripada cengkaman beruang merah!

* * *

Tatkala membahas pendapat Edrus mengenai loteri di Berita Harian seorang yang menamakan dirinya Abu Azian menyatakan bahawa ia berasa merendahkan dirinya melayan Edrus – ertinya Edrus tidak setaraf denganya. Ini perkataan ujub dan takbur – mengaku tinggi ilmunya dan menghinakan orang. Untuk ini Edrus membawa perkataan al-Imam al-Ghazālī yang berkata, bahawa seseorang alim yang mengaku dirinya alim seperti jahilnya *ḥimār* (keldai).

Begitulah rupanya jawapan yang jitu terhadap kepada orang-orang yang ujub dan takbur. Nabi berkata “Takbur atas orang yang takbur itu ialah sedekah.”

* * *

Orang-orang menyangka bahawa apabila Awang Sulung dipalukan dan tempatnya digantikan oleh Bajang, tentunya Bajang akan lebih adil dalam menghadapi sesiapa pun. Rupanya dua kali lima sepuluh jua – mana-mana yang bersetuju dan sejalan dengan fikirnya diterimanya, mana-mana yang tidak bersetuju, kalau dihantarkan kepadanya akibatnya masuk bakul. Begitulah dunia bung – kalau sudah... banyak orang bercerita pasal ini bung!

* * *

Hujan di Singapura telah lebat - dan air melimpah-limpah. Musim tengkujuh sudah mulai datang. Orang Singapura masih merasa kehairanan mengapa air bersekat lagi? Soalnya sukar hendak dijawab dan harus menakjubkan!

* * *

Seorang ahli tarekat, yang bernama Imam Bonjol dikatakan telah mengeluarkan “mukjizatnya” dengan mengeluarkan air dari jari-jarinya, *mā shā'a Allāh*. Mukjizat seperti ini hanya pernah terjadi di atas diri Nabi. Apakah ini tidak bertujuan mengabui mata ramai. Apakah ada orang yang akan dapat menyamai mukjizat Nabi? *Subḥāna Allāh*.

* * *

Untuk mengabui mata ramai, Abu Azian, yang tentunya orang yang menjalankan tugas menafikan yang wakil Mufti Johor dan Mufti Terengganu mengatakan di dalam Majlis Muzakarah di ibu kota ada mengafirkkan orang-orang yang menghalalkan mengadakan loteri, menjual dan membeli serta menerima hasilnya. Ia terus mengajak orang menyemak semula rakaman dengan “*tape recorder*” di Radio Malaya. Orang-orang tertawa, kerana orang tahu “*tape recorder*” boleh dipotong-potong dan disalin. Apakah ini hanya untuk mengadakan bukti? Kalau ini bukti, ertinya bukti palsu!

-Cemeti al-Fārouk-

¹ Perkataan sebenar ialah ‘banyak’.